

ISZUAN ISMAIL bersama karyanya yang bertajuk *Deep Blue Sea*.LUKISAN bertajuk *Irama Kenyalang* oleh Mohd. Fahmi Mohd. Taib yang menonjolkan identiti Sarawak.

# Kolaborasi karya pensyarah

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR  
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

PROSES pemikiran kreatif terpancar jelas bersistematis. Aspek-aspek kognitif dan psikomotor disulam bersama bagi memperlihatkan nilai-nilai estetika yang wujud dalam penghasilan karya-karya yang dipamerkan.

Daya perasaan menerusi dinamika tona serta gerakan garisan dan kesan tekstur, olahan bentuk dan ruang membentuk persembahan yang unik dan mengujakan.

Karya-karya daripada Dr. Ruzai-ka Omar Basaree, Suzlee Ibrahim, Juhari Said, Mad Anuar Ismail, Marfizul Azuan Marzuki, Khairul Azmir Shoib, Safwan Ahmad, Fauzin Mustafa, Faizal Suhif, Izzat Yahaya, Iszuan Ismail dan Bakir Baharom utuh memperlihatkan eksplorasi sanubari dan jiwa seni mereka.

Ia dilakukan dengan meletakkan cabaran kreativiti dalam mendepani isu sosial, melestari budaya dan tradisi, bereksprimen teknik dan gaya.

Tidak ketinggalan merancang minda baru serta mentransformasi sumber dan bahan di samping mengintepretasi makna.

Demikian ungkapan yang dilahirkan oleh Kurator Editorial Seni, Pameran Ekspresi 2011, Nurul Mu-zamel Rasidi mengenai pameran yang dianjurkan oleh Fakulti Seni Halus, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) yang berlangsung baru-baru ini di Galeri Shah Alam.

Menariknya pameran tersebut terhasil daripada gabungan 11 orang pensyarah, tujuh pelajar serta lapan peserta kursus Lukisan Figura yang tampil dengan karya tersendiri.

Pelbagai pendekatan dari aspek media, mesej serta teknik penyampaian visual dapat dilihat pada lebih

Pameran Ekspresi 2011 anjuran Fakulti Seni Halus, Aswara mencipta kelainan apabila menggabungkan karya pensyarah dan pelajar untuk dipamerkan.



SETIAP karya yang dipamerkan mempunyai kekuatan tersendiri.

140 karya yang dipamerkan kali ini.

Pensyarah Fakulti Seni Halus Aswara, Suzlee, 44, berkata, peluang mengadakan pameran di luar kampus adalah satu pengalaman bermakna buat anak didiknya.

"Selain daripada mempersiapkan diri serta menimba pengalaman, mereka juga berpeluang berganding bahu bersama barisan pensyarah yang aktif dan cemerlang dalam industri seni visual sekali gus ia sebagai bonus buat para pelajar.

"Menerusi pameran sebegini, ia bukan sahaja dapat memaparkan karya seni pelajar tetapi mereka juga berkongsi perjalanan dan suasana pembelajaran di kampus di samping menyediakan platform ter-

baik bagi mempromosi pendidikan seni di peringkat pengajian tinggi kepada masyarakat," tegas Suzlee yang merupakan bekas tenaga pengajar di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam.

## Bentuk pelajar

Apa yang pasti, penglibatan pelajar bersama para pensyarah dilihat sebagai didikan dan bimbingan ke arah membentuk sahsiah dan kendiri bakat muda untuk berdepan dengan cabaran alam pekerjaan khususnya dalam bidang industri kreatif.

Gandingan ala mentor ini juga mampu mewujudkan suasana interaksi dan komunikasi yang bersifat akademik dan industri. Selain itu, pengalaman dan kepakaran pensyarah telah menjadi inspirasi pelajar untuk menyerlahkan potensi mereka sebagai pengkarya muda.

Bagi tutor di Fakulti Seni Halus Aswara, Iszuan Ismail, 29, yang tampil dengan tiga karya pada pameran berkenaan memberitahu, dia mengambil masa tiga minggu untuk menyiapkan hasil seninya.

"Karya berjudul *Deep Blue Sea*, *Sun Spot* dan *The Blue Wave* ini diilhamkan daripada panorama lautan serta muzik dalam seni tari dewa dan dewi. Ia bersifat abstrak dan difahami mengikut cara tersendiri," ujarnya.

Sementara itu, peserta kursus jangka pendek Lukisan Figura, Mohd. Fahmi Mohd. Taib, 22, yang turut



GEMBIRA. Sebahagian pensyarah dan pelajar masing-masing dalam berkarya.

menyertai pameran tersebut mengaku sangat gembira dengan yang telah dicapainya.

"Saya rasa amat teruja berpeluang mengadakan pameran bersama nama-nama besar dunia seni visual. Ia boleh menjadi pencapaian yang tinggi dalam dunia seni."

"Melalui pameran ini, ia tidak langsung menguatkan semangat saya untuk terus belajar dan menjadi seorang artis terkemuka di Malaysia," tutur Fahmi yang melukis sejak kecil dan ber-



ARCA yang dihasilkan Dr. Ruzai-ka Omar Basaree.

UNIK. Arca logam bertajuk *Bismillah* oleh Mad Anuar Ismail.





YALANG oleh Mohd. Fahmi n identiti Sarawak.



KOMBINASI bahan campuran media memberi kelainan pada karya ini.



SENIMAN agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee menjadi sumber inspirasi Nazmi Ismail untuk berkarya.



ABSTRAK. Lukisan ini memerlukan tafsiran mendalam untuk difahami.

# syarah, pelajar



GEMBIRA. Sebahagian pensyarah dan pelajar yang menyertai pameran kali ini berpuas hati dengan pencapaian masing-masing dalam berkarya.

menyertai pameran tersebut mengakui sangat gembira dengan apa yang telah dicapainya. "Saya rasa amat teruja apabila berpeluang mengadakan pameran bersama nama-nama besar dalam dunia seni visual. Ia boleh dianggap pencapaian yang tinggi dalam hidup saya. "Melalui pameran ini, ia secara tidak langsung menguatkan semangat saya untuk terus berusaha menjadi seorang artis terkemuka di Malaysia," tutur Fahmi yang gemar melukis sejak kecil dan berjaya me-

menangi tempat ketiga dalam pertandingan melukis *Expressions of the Malayan Tiger* sempena ulang tahun ke-50 Maybank baru-baru ini. Kemenangan itu membolehkan Fahmi membawa pulang RMI,000. Selain Fahmi, tiga pelajar fakulti itu turut memenangi hadiah pada pertandingan tersebut. Mereka adalah Nazmi Ismail, Nur Fatin Shatira Hana Hamidon dan Aizat Amir Ahmad Sanusi. Fakulti Seni Halus Aswara mula ditubuhkan pada tahun 2008. Ia bermatlamat untuk melahirkan karya-

wan, seniman, pelukis, pengarca, penghayat seni yang berilmu, kreatif, beradab serta profesional melalui satu program pendidikan formal Seni Halus. Tumpuan diberikan kepada pendidikan seni berbentuk vokasional dan kemahiran dalam tiga cabang seni halus yang utama iaitu catan, cetakan dan arca. Pameran yang berlangsung dari 20 hingga 30 Januari lalu dirasmikan oleh Ahli Lembaga Yayasan Seni Selangor, Profesor Datuk Raja Zahabuddin Raja Yaacob.



FAHMI bersama lukisan figura yang dihasilkan selepas mengikuti kursus lukisan jangka pendek anjuran Fakulti Seni Halus Aswara.